

17 NOV 1998

APEC-BERITA-HABIBIE

HABIBIE TIDAK BERMALAM DI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 17 Nov (Bernama) -- Presiden Indonesian B.J. Habibie yang berada di sini untuk menghadiri sidang kemuncak pemimpin Apec hari ini dan esok tidak akan bermalam di ibu negara Malaysia, menurut sumber-sumber.

Habibie yang tiba di sini pagi tadi dijangka terbang pulang ke Jakarta malam ini selepas majlis jamuan malam yang diberikan oleh Perdana menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Hotel Mandarin Oriental.

Difahamkan beliau akan kembali semula ke ibunegara Malaysia esok untuk menyertai para pemimpin Apec yang lain berehat di Cyberview Lodge di Cyberjaya, kira-kira 45km dari sini.

Indonesia sedang menghadapi rusuhan anti-kerajaan dan dalam rusuhan hujung minggu lepas antara tentera dan pelajar-pelajar 14 orang terkorban.

-- BERNAMA

MAM SK WAT